

# Tongkat Ali: Pusaka Bumi di Persada Dunia

Penulis bersama: Dr Jaya Vejayan, Prof Dr Mashitah binti Mohd Yusoff, Dr Aini Norhidayah dan Amira Alia Zulkifli



Gambar Fatin Hasnina binti Hafiz dengan produk prototaip Tongkat Ali yang diusahakan semasa projek tahun akhir

Bermula sebagai salah satu amalan turun-temurun yang digunakan oleh golongan lelaki terutamanya masyarakat Melayu, kini herba ini telah dikenali di seluruh pelusuk dunia dan yang menariknya, di negara barat ia masih dikenali dengan nama asalnya iaitu 'Tongkat Ali'. Jika berkunjung ke laman web membeli belah secara atas talian seperti Amazon.com atau eBay, lebih kurang 3,100 produk yang berasaskan Tongkat Ali terutamanya dalam bentuk kapsul. Produk yang dijual bukan sahaja dikeluarkan oleh pengeluar dari Asia Tenggara malah syarikat dari Amerika Syarikat dan Eropah juga turut mempromosikan produk berasaskan Tongkat Ali

Secara tradisi akar Tongkat Ali dipercayai mempunyai pelbagai khasiat yang mujarab dalam mengubati pelbagai penyakit terutamanya sifat afrodisiaknya. Tidak boleh dinafikan bahawa ketika kaum lelaki menghadapi masalah kelamin mereka akan mencari alternatif lain seperti mengambil suplemen dan mengambil ubat tambahan lain. Dalam konteks ini, terbukti bahawa Tongkat Ali sangat berkesan apabila digunakan secara berterusan dan memberi testimoni positif tentang keberkesanannya dalam menyelesaikan masalah kelamin dan libido. Jadi apakah isunya? Bukankah Malaysia harus berbangga dengan khazanah Malaysia kerana ia dikenali di serata dunia?

*"Tongkat Ali digunakan dan dipercayai oleh kaum lelaki kerana ia didapati mujarab, berasal daripada sumber semulajadi dan bukannya daripada sumber kimia sepertimana ubat-ubatan lain. Sifat afrodisiak dalam tumbuhan herba ini menarik minat para saintis untuk melakukan kajian sekaligus meyakinkan lagi pengguna tentang keberkesanan Tongkat Ali dalam merawat masalah yang dihadapi oleh kaum lelaki"*

Satu kajian telah dilakukan keatas tikus jantan dan hasil kajian ini mendapati bahawa tabiat tikus jantan bertambah giat ke arah aktiviti mengawan (seks) selepas diberi makan Tongkat Ali secara berterusan selain kandungan testosterone dalam darah juga menunjukkan peningkatan yang ketara. Hormon testosterone amat penting dalam fungsi normal seorang lelaki. Tongkat Ali didapati dapat meninggikan tahap kandungan hormon testosterone dengan cara dimana ianya merangsang badan seseorang itu untuk menghasilkan hormon ini secara semulajadi. Selain itu juga, kajian membuktikan Tongkat Ali boleh meningkatkan tenaga seseorang. Pengaruh Tongkat Ali lama-kelamaan diiktiraf kerana khasiatnya



Gambar Tongkat Ali yang berukuran 3 kaki panjang